

**PENTAKSIRAN SETARA STANDARD  
SK SULTAN AHMAD, PEKAN, PAHANG  
REKA BENTUK DAN TEKNOLOGI  
TAHUN 4**

**NAMA :** ..... **KELAS :** .....

**BAHAGIAN A**

**20 Markah**

**Jawab semua soalan.**

1. Peraturan keselamatan diri di dalam bengkel yang berikut adalah betul,

**KECUALI.**

- A** pastikan rambut sentiasa dicuci.
- B** cuci tangan dengan menggunakan air dan sabun **C** masukkan tudung atau tali leher ke dalam apron
- D** patuhi semua peraturan semasa menjalankan aktiviti.

2. Pernyataan yang manakah merujuk kepada kemalangan ringan di bengkel?

- A** Luka akibat melecur
- B** Alatan bengkel hilang
- C** Terkena renjatan elektrik
- D** Sedih kerana dimarahi guru

3. Apakah kesan yang mungkin berlaku sekiranya murid mengabaikan amalan keselamatan di dalam bengkel?

- A** Murid berisiko mengalami kecederaan
- B** Murid dilarang membawa beg ke dalam bengkel
- C** Murid mungkin tidak dibekalkan alat pelindung diri
- D** Murid tidak boleh menggunakan bahan yang berbahaya

4. Simbol ini membawa maksud..



- A Kawasan berkumpul apabila berlaku kecemasan
  - B Laluan keluar semasa kecemasan
  - C Sentiasa menjaga kebersihan
  - D Lantai licin
5. Warna apakah yang digunakan pada simbol dan tanda kecemasan yang membawa maksud zon aman dan pertolongan cemas.

- A Merah**
- B Kuning**
- C Hijau**
- D Putih**

6. Berikut adalah bahan penebat yang dapat digunakan untuk mengalihkan mangsa daripada punca renjatan **KECUALI**



- A kayu
  - B Tali pinggang kulit
  - C Tali
  - D Bahan logam
7. Apakah langkah pertama anda perlu lakukan untuk merawat luka melecur ringan?

- A Sapu krim atau losen yang sesuai
  - B Siram kawasan yang melecur dengan aliran air
  - C Berjumpa dengan pegawai perubatan
  - D Berehat ditempat yang selesa
8. Kemahiran reka bentuk menyediakan laluan kerjaya dalam pelbagai bidang **KECUALI**
- A Pereka fesyen
  - B Cef
  - C Perubatan
  - D Juruanimasi
9. Pernyataan berikut merujuk kepada salah satu elemen dalam reka bentuk. Sebutkan elemen tersebut



Permukaan yang mempunyai garisan luar sebagai sempadan

- A Garisan
  - B Rupa
  - C Tekstur
  - D Saiz
10. Jenis garisan apakah yang terdapat dalam rajah di bawah.
- i Garisan tebal
  - ii Garisan zig-zag
  - iii Garisan berlingkar
  - iv Garisan putus-putus
- A i dan ii sahaja
  - B i, ii dan iii sahaja
  - C ii, iii dan iv sahaja
  - D i, ii, iii dan iv



11. Apakah langkah pertama yang harus dibuat dalam proses menghasilkan produk?
- A Menjana idea
  - B Membuat pengiraan kos
  - C Menganalisis dan menilai lakaran
  - D Membuat pembentangan projek
12. Pernyataan yang manakah berkaitan dengan teknologi secara konvensional?
- A Menggunakan mesin ringkas
  - B Kaedah yang kuno dan tidak digunakan lagi
  - C Kaedah yang menggunakan alatan lama dan murah
  - D Kaedah yang menggunakan alatan lama dan mahal
13. Salah satu ciri pembungkusan yang baik ialah mesra alam. Apakah yang dimaksudkan dengan mesra alam?
- A** Reka bentuk ringkas yang memudahkan penyimpanan
  - B** Mengandungi maklumat lengkap tentang produk
  - C** Memudahkan pengguna mengendalikannya
  - D** Pembungkus menggunakan bahan mudah lupus
14. Apakah elemen reka bentuk yang boleh diaplikasikan dalam reka bentuk makanan?
- i Rupa
  - ii Tekstur
  - iii Warna
  - iv Kontras

- A i dan ii sahaja
- B i, ii dan iii sahaja
- C ii, iii dan iv sahaja
- D i, ii, iii dan iv

15. Apakah jenis makanan yang tidak sesuai digunakan dalam reka bentuk makanan dalam rajah di bawah?



- A Bijirin
- B Telur
- C Buah - buahan
- D Produk tenusu

16. Apakah yang dimaksudkan dengan pengaturcaraan

- A Set arahan yang mengarahkan komputer melakukan suatu tindakan
- B Urutan arahan berkod dalam perkakasan komputer
- C Langkah-langkah mnyelesaikan masalah
- D Set pernyataan arahan dalam bahasa biasa

17. Apakah yang dimaksudkan dengan simbol yang terdapat dalam carta alir ini?



- A Mula dan tamat sesuatu aktiviti
- B Aktiviti atau proses
- C Input atau output sesuatu proses
- D Aliran aktiviti

18. Apakah nama imej grafik yang digunakan sebagai objek dan melakukan arahan seperti yang diatur cara?



- A Bar Menu
- B Tabs
- C Stage
- D Sprite

19. Berikut adalah perkakasan elektrik yang menggunakan pengaturcaraan komputer **KECUALI**

- A Jam digital
- B Televisyen pintar

- C Ketuhar gelombang mikro
- D Dapur gas

20. Pilih pernyataan yang betul mengenai pseudokod dan carta alir. **A** Carta alir mempunyai empat simbol sahaja
- B Semasa menulis pseudokod, kata kerja pada awal pernyataan perlu ditulis dengan huruf besar dan tebal
- C Carta alir merupakan set pernyataan yang menyerupai bahasa atur cara komputer.
- D Pseudokod ialah langkah-langkah penyelesaian masalah secara grafik.

### BAHAGIAN b

20 Markah

Jawab semua soalan.

1. Apakah maksud simbol dan tanda keselamatan berikut?

|                                                                                     |                                                                                      |
|-------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------|
|   |   |
| a)                                                                                  | b)                                                                                   |
|  |  |
| c)                                                                                  | d)                                                                                   |



(4 markah)

7

2. Sila susun proses penghasilan produk mengikut urutan yang betul dengan menulis nombor.

|                                                              |   |
|--------------------------------------------------------------|---|
| Membuat pengiraan kos                                        |   |
| Menganalisis dan menilai lakaran dan membuat penambah baikan |   |
| Melakar reka bentu produk                                    |   |
| Menjana idea                                                 | 1 |
| Membuat pembentangan projek atau produk                      |   |
| Menghasilkan produk menggunakan teknologi yang dipilih       |   |

(5 markah)

3. Maklumat pelabelan merupakan ciri penting dalam pembungkusan produk.



**Rajah 3.1**

Senaraikan maklumat-maklumat yang perlu ada dalam pelabelan produk di dalam **Rajah 3.1**

- i. \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_
- iii. \_\_\_\_\_
- iv. \_\_\_\_\_
- v. \_\_\_\_\_

(5 markah)

8

## 4. Baca dan fahami situasi berikut

Hazril tinggal di Pekan Inanam. Dia ingin melawat ke rumah bapa saudaranya di Bandar Indah, Sandakan. Dia perlu menaiki teksi dari rumahnya ke Terminal Bas Inanam. Kemudian, dia perlu menaiki bas ekspres dan turun di Terminal Bas Sandakan. Seterusnya, dia perlu menaiki teksi untuk ke rumah bapa saudaranya di

Bandar Indah, Sandakan

Kemudian lengkapkan pseudokuod berikut dengan mengikut tempat kosong.

**MULA**

\_\_\_\_\_teksi dari rumahnya ke Terminal Bas Inanam.

**TURUN** teksi di \_\_\_\_\_ Inanam

**NAIK** \_\_\_\_\_

**TURUN** di Terminal \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_teksi di Terminal Bas Sandakan

**TURUN** teksi di \_\_\_\_\_

**TAMAT**

(6 markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**

